



**BAHAGIAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT
PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI**

**CABARAN REKACIPTA & INOVASI BAHAN KITAR
SEMULA**

2017

PENGENALAN

Sempena sambutan ulang tahun ke – 15 Pustaka Negeri Sarawak, Miri, Bahagian Perkhidmatan Maklumat telah merancang beberapa pengisian aktiviti yang menarik dan bermaklumat. Salah satu aktivitinya ialah Cabaran Rekacipta & Inovasi Bahan Kitar Semula.

OBJEKTIF

Tujuan utama program ini adalah untuk;

1. Memupuk budaya penyelidikan dan rekacipta dalam kalangan masyarakat.
2. Menggalakkan pembudayaan ilmu, pembelajaran sepanjang hayat dan budaya berinovasi dalam kalangan masyarakat.
3. Memberi ruang dan peluang kepada komuniti untuk mengembangkan bakat, minat dan potensi dalam menghasilkan projek inovasi.
4. Menjadikan Pustaka Negeri Sarawak, Miri sebagai pusat sumber ilmu.

TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Cabaran Rekacipta & Inovasi Bahan Kitar Semula untuk tahun 2017 terbuka kepada warga Malaysia yang bermastautin di Negeri Sarawak dan adalah ahli berdaftar Pustaka Negeri Sarawak.
2. Pertandingan ini bermula dari **23 Januari 2017** sehingga **9 Mac 2017**.
3. Penyertaan pertandingan adalah dalam bentuk kumpulan dengan minimum **tiga (3) orang dan maksimum lima (5) orang** dalam satu kumpulan. Penyertaan kumpulan yang terdiri daripada ahli keluarga amatlah digalakkan.
4. Penyertaan ini adalah **terhad kepada tiga puluh (30) kumpulan** terawal.
5. Borang Penyertaan adalah seperti di **Lampiran A**. Borang penyertaan boleh didapati di kaunter perkhidmatan Pustaka Negeri Sarawak, Miri.
6. Borang Penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada pihak penganjur sebelum atau pada **Jumaat, 24 Februari 2017**.
7. Penyertaan adalah **PERCUMA**.
8. Segala kos pertandingan adalah ditanggung sendiri oleh peserta.
9. Setiap kumpulan hendaklah menghantar satu (1) penyertaan sahaja.
10. Cetusan idea mestilah daripada janaan sendiri dan sebarang bentuk plagiat

dilarang sama sekali. Sekiranya berlaku plagiat dan produk tersebut telah didaftarkan di bawah Hak Cipta Perbadanan Harta Intelek maka sebarang pelanggaran undang-undang hak cipta adalah tanggungjawab kumpulan tersebut dan bukan tanggungjawab pihak penganjur.

11. Produk rekacipta dan inovasi yang dihasilkan mestilah tidak menyentuh sebarang isu politik dan perkara-perkara sensitif yang boleh mengugut agama, kaum, budaya dan jantina.
12. Penggunaan bahan terlarang atau berbahaya (Contohnya : Senjata, Bahan Kimia dan lain-lain) tidak dibenarkan sama sekali. Penggunaan bahan terkawal (Contohnya : Bahan Kimia, Ammonia dan lain-lain) perlu mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak berkaitan.
13. Setiap kumpulan dikehendaki untuk membentangkan hasil projek dalam sesi pembentangan yang telah ditetapkan.
14. Masa yang diperuntukkan untuk pembentangan bagi satu pasukan ialah sepuluh (10) minit. Pemberian markah adalah berdasarkan pembentangan dalam tempoh yang ditetapkan.
15. Setiap ahli hendaklah mengambil bahagian secara aktif semasa pembentangan.
16. Setiap kumpulan wajib mempamerkan produk rekacipta dan inovasi di lokasi yang ditetapkan oleh pihak penganjur.
17. Segala maklumat dan dokumen pertandingan adalah hak milik Pustaka Negeri Sarawak, Miri.
18. Jawatankuasa penganjur berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat pertandingan pada bila-bila masa dan akan memaklumkan kepada semua peserta dari masa ke semasa.
19. Keputusan hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

LAPORAN PROJEK REKACIPTA & INOVASI

1. Setiap kumpulan dikehendaki menghantar projek beserta laporan berbentuk folio *hard copy* (2 salinan) dan bahan fizikal projek sebelum atau pada **Khamis, 9 Mac 2017**.
2. Laporan dan pembentangan hendaklah menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sahaja.
3. Dokumentasi projek rekacipta dan inovasi adalah seperti berikut:
 - Pengenalan Projek
 - Tajuk
 - Latar Belakang Projek
 - Objektif
 - Kos Projek
 - Rasional Pemilihan Projek
 - Impak
 - Penambahbaikan yang dilakukan
 - Perubahan yang dilakukan selepas projek inovasi
 - Nilai Komersial
 - Akuan
 - Kesimpulan Projek

HASIL PROJEK

1. Manual Pengguna

Dokumentasi komunikasi teknikal yang bertujuan untuk memberi bantuan kepada pengguna menggunakan hasil projek.

2. Bahan Fizikal

Bahan yang dihasilkan perlu diletakkan perincian dan justifikasi.

PEMARKAHAN

Pemberat markah adalah seperti berikut :

1. Dokumentasi 50%
2. Pembentangan 50%

HADIAH PERTANDINGAN

1. Juara

RM 600 + Sijil Kemenangan

2. Tempat Kedua

RM 500 + Sijil Kemenangan

3. Tempat Ketiga

RM 400 + Sijil Kemenangan

4. Sijil Penyertaan kepada semua peserta.

MAKLUMAT PENTING PERTANDINGAN

AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	LOKASI
Tarikh Tutup Penyertaan	24 Februari 2017	-
Tarikh Tutup Hantar Laporan	9 Mac 2017	-
Pameran Rekacipta & Inovasi	13 – 17 Mac 2017	Lobi, Aras Bawah, Pustaka Negeri Sarawak, Miri
Pembentangan	16 Mac 2017	Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak, Miri
Penyampaian Hadiah	17 Mac 2017	Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak, Miri

PEGAWAI SERANTA

Jika mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai seranta berikut :

Pustaka Negeri Sarawak, Miri
Jalan Kipas, Miri City Fan, 98000 Miri, Sarawak.

Telefon : 085 – 422525

Faks : 085 – 414444

1 Pn. Lilian Baun Pulo

☎085-422 525 (221)

✉lilianbp@sarawak.gov.my

2 En. Mohd. Awis Bin Abu Bakar

☎085-422 525

✉awisab@sarawak.gov.my

3 Cik Jamilah Juli

☎085-422 525

✉jamilahhj@sarawak.gov.my



**BORANG PENYERTAAN
CABARAN REKACIPTA DAN INOVASI BAHAN KITAR
SEMULA 2017
ANJURAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI**

NAMA KUMPULAN :

TAJUK PROJEK :

.....
.....
.....
.....

NAMA KETUA KUMPULAN :

NO.KADPENGENALAN (KETUA) :

E-MEL :

NO. TELEFON :

<u>NO.</u>	<u>NAMA AHLI KUMPULAN</u>	<u>NO. KAD PENGENALAN</u>	<u>NO. TELEFON</u>
1.
2.
3.
4.

TANDATANGAN KETUA KUMPULAN :

.....

NAMA :

TARIKH :

Sila kembalikan borang yang telah ditandatangani melalui talian faksimili atau serahan tangan kepada pada atau sebelum **Jumaat, 24 Februari 2017**.

Pustaka Negeri Sarawak, Miri

Jalan Kipas, Miri City Fan, 98000 Miri, Sarawak.

Telefon : 085 – 422525

Faks : 085 – 414444 (U.P : Pn. Lilian Baun Pulo / Cik Jamilah Juli